



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

KAJIAN MENGENAI TEKNIK PENCAHAYAAN DALAM FILEM  
MUNAFIK MEMPENGARUHI EMOSI PENONTON

BY

MUHAMMAD NAIM BIN SAKERI

A report submitted in fulfillment of the requirements for the degree of  
Bachelor of Creative Technology with Honours  
(SCREEN STUDIES)

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

2021

## THESIS DECLARATION

I here by certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text).
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee. Dated from..... until .....
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of Universiti Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

---

**SIGNATURE**

---

**SIGNATURE OF SUPERVISOR**

---

**IC/PASSPORT NO.**

---

**NAME OF SUPERVISOR**

Date :

Date :

Note : \* If thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period and reasons for confidentiality and restriction.

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk Izajah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau Institusi.

- TERBUKA      Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN      Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
Dari Tarikh.....hingga.....
- SULIT      (Mengandungi maklumat terhad sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD      (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan berhak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat Salinan Laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia Utama

Nama :

Nama :

Tarikh :

Tarikh :

Nota : \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT dan TERHAD, sila kekilan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab kerahsiaan dan sekatan

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbilalamin dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan hidayahnya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam disedekahkan kepada nabi kita Muhammad S.A.W. Pengkaji mengambil peluang ini untuk merakamkan ribuan terima kasih yang ikhlas dari lubuk hati kepada penyelia bagi projek penyelidikan ini iaitu Encik Fairuladlan Bin Hamadun atas bimbingan, tunjuk ajar, kritikan dan kesabaran serta pengertian beliau yang diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini. Beliau merupakan antara insan yang sentiasa bersabar dan memberi segala tunjuk ajar kepada semua anak-anak murid dibawah seliaanya. Terima kasih untuk kesekian kalinya.

Terima kasih dirakamkan juga kepada dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Dr Hanisa Binti Hassan kerana memberi keizinan menggunakan kemudahan yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan bagi mencari maklumat-maklumat berkaitan kajian ini. Terima kasih juga disampaikan kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi kebenaran untuk menggunakan kemudahan yang terdapat di dalam perpustakaan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan sepanjang pengajian. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa saya yang memberi saya pemudah cara untuk menyelesaikan tesis ini. Mereka telah memberikan segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya berjaya menyiapkan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan, serumah, satu kumpulan dan penyelia yang banyak memberikan pertolongan. Tanpa mereka semua mungkin kajian ini tidak dapat diselesaikan dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan tugas teks ini. Pengkaji berharap semoga Allah S.W.T membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menyiapkan teks ini. Amin.

## **Teknik Pencahayaan Dalam Filem Munafik Mempengaruhi Emosi Penonton**

### **ABSTRAK**

Teknik pencahayaan merupakan sesuatu perkara yang dapat membuatkan filem itu Berjaya ataupun tidak. Kajian ini menumpukan pada elemen pencahayaan melalui teknik pencahayaan dalam filem munafik. Filem munafik ini menarik untuk diteliti kerana, Teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem ini amatlah baik. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat rujukan berdasarkan kajian-kajian lepas dan penelitan yang khusus terhadap filem tersebut. Hasil daripada penelitian khusus dan rujukan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian ini membuktikan bahawa teknik pencahayan amatlah penting dan perlu dititikberatkan sebelum sesebuah filem itu dibuat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **Lighting Techniques In Films Munafik Affect Audience Emotions**

### **ABSTRACT**

The lighting technique is something that can make the film Successful or not. This study focuses on the lighting element through lighting techniques in hypocritical films. This hypocritical film is interesting to study because, the lighting technique used in this film is very good. Accordingly, this study uses a qualitative method by making references based on previous studies and research specific to the film. As a result of specific research and previous research references, the researcher found that this study proves that lighting techniques are very important and need to be emphasized before a film is made.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>ISI KANDUNGAN</b>	
<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>I</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>II-III</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>IV-V</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 PENGENALAN .....	1-4
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN .....	5-6
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN.....	7
1.3 OBJEKTIF KAJIAN .....	8
1.4 PERSOALAN KAJIAN .....	9
1.5 SKOP KAJIAN .....	9-10
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN .....	10-11
1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN .....	12-13
1.7 KESIMPULAN .....	13
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATURE</b>	
2.0 PENGENALAN .....	14
2.1 DEFINISI .....	14-19
2.2 SOROTAN KAJIAN .....	19-21
<b>BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	
3.0 PENGENALAN .....	22
3.1 PENDEKATAN KAJIAN.....	23
3.2 KAEDAH KUALITATIF .....	23-24
3.3 INSTRUMEN KAJIAN .....	25
3.4 CARTA ALIRAN .....	26
3.5 KESIMPULAN .....	27
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.0 PENGENALAN .....	28
4.1 ANALISIS TEKNIK PENCAHAYAAN FILEM MUNAFIK ARAHAN SYAMSUL YUSOF.....	28
4.1.1 TEKNIK PENCAHAYAAN LOW KEY .....	28-30
4.1.2 TEKNIK PENCAHAYAAN THREE POINT LIGHTING .....	30-32
4.1.3 TEKNIK PENCAHAYAAN NATURAL LIGHT .....	33-34



4.1.2 TEKNIK PENCAHAYAAN HIGH KEY .....	34
---	----

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 PENGENALAN .....	35
5.2 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN .....	35-36
5.3 TEKNIK PENCAHAYAAN DALAM MUNAFIK .....	36-37
5.4 CADANGAN .....	37
5.5 IMPLIKASI KAJIAN .....	37-38
5.6 KESIMPULAN .....	39
<b>CARTA GANTT .....</b>	<b>40</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>41</b>



## 1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, filem di Malaysia kelihatan semakin maju lantas meningkatkan industri perfileman ini dengan pelbagai genre telah dihasilkan. Terdapat juga pengkarya semakin ramai dan bergiat aktif di Malaysia untuk melestarikan serta menaikkan bidang perfileman ini menjadi pemacu kejayaan di sebuah Negara yang maju dalam bidang teknologi yang canggih. Sebagai contoh kita dapat lihat pengkarya yang bergiat aktif dalam bidang perfileman ini iaitu, *Syamsul Yusof*, *Mamat Khalid* dan yang lain-lain lagi. Beberapa pengkarya yang berjiwa besar telah membuat perubahan yang besar kepada industri perfileman ini dengan memperbaiki kelemahan demi kelemahan dari tahun ke tahun. Antara faktor yang dapat dilihat dalam peningkatan industri ini adalah dengan peningkatan alatan yang canggih. Filem adalah sesuatu modus yang baik untuk disampaikan kepada penonton. Hal ini berikutan, peningkatan dalam bidang filem yang memainkan peranan penting terhadap kehidupan masyarakat pada setiap perkembangan dari tahun ke tahun. Kini filem bukan sahaja dijadikan sebagai alat hiburan untuk khalayak ramai malah, turut dijadikan sebagai alat untuk menyampaikan sesuatu secara formal ataupun tidak normal.

Selain itu, filem juga merupakan satu sumber hiburan yang senang untuk didapati serta mudah untuk difahami oleh penonton melalui naratif dalam filem tersebut. Hal ini juga dapat dikenalpasti dengan melihat pada kandungan atau elemen pada setiap filem yang dapat dipengaruhi psikologi serta emosi penonton dan dapat memberi rangsangan yang positif. Filem dapat dijadikan sebuah media yang popular dan memiliki pengaruh yang tersendiri. Filem juga merupakan satu penyampaian dalam bentuk gaya seni melalui setiap naratif yang memiliki prinsip dengan gayanya yang tersendiri. Setiap jalan cerita yang ditunjukkan memiliki corak perkembangan yang tersendiri dari awal hingga akhir dengan mempunyai peranan yang efektif

seperti *penggunaan mise-en-scene, shot, sinematografi, penyuntingan, teknik pencahayaan, bunyi* yang dihasilkan dan lain-lain lagi. (Khair, 2017)

Teknik cahaya *low key* telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan filem. Dengan demikian, penelitian ini menggabungkan efek media dan teknik pencahayaan pada filem untuk dapat mempelajari dari elemen struktur filem pada penonton. Selain itu, filem yang menggunakan yang menggunakan pencahayaan yang *low key* akan menyebabkan perasaan lebih menjadi tegang ataupun misteri. Secara keseluruhannya, penonton yang menonton filem dengan menggunakan pencahayaan yang rendah akan membuatkan mereka lebih cepat memberi respon dan menghasilkan sesebuah emosi.

Kajian yang dilakukan ini menerangkan dengan lebih lanjut mengenai latar belakang kajian yang dibuat berdasarkan tajuk yang dipilih iaitu teknik pencahayaan dalam filem munafik mempengaruhi emosi penonton. Hal ini demikian filem munafik ini merupakan filem yang bertemakan seram/horror. Dengan kajian ini, ia dapat dikenal pasti adakah filem ini berjaya memainkan emosi terhadap penonton yang menyaksikan filem Munafik ini.

## **SINOPSIS**

Filem terbaru arahan Syamsul Yusof berjudul MUNAFIK bakal ditayangkan di pawagam bermula 25 Februari 2016. Syamsul Yusof sendiri memegang watak utama sebagai seorang pengamal perubatan Islam. Turut dibarisi pelakon hebat seperti Nabila Huda, Pekin Ibrahim, Fizz Fairuz dan ramai lagi. Filem seram terbitan Skop Productions Sdn Bhd ini menelan kos pembikinan sebanyak RM2 juta.

## **FILEM : MUNAFIK**

Tarikh Tayangan : 25 Februari 2016

Genre : Seram

Klasifikasi: PG13

Pengarah : Syamsul Yusof

Terbitan : Skop Productions Sdn Bhd

Pelakon : Syamsul Yusof, Nabila Huda, Sabrina Ali, Pekin Ibrahim, Fizz Fairuz, Dato Rahim Razali, A.Galak, Zarina Zainordin, Ruzlan Abdullah

### **SINOPSIS FILEM MUNAFIK**

Adam (Syamsul Yusof) dikenali sebagai seorang ustaz yang dikurniakan 'kelebihan' kerana setiap pesakit yang mengalami 'gangguan' sering berjaya diubatnya mengikut cara perubatan Islam. Sikap merendah diri terhadap kelebihan yang ada pada dirinya itu amat disenangi oleh semua yang mengenali, terutamanya penduduk kampung di kawasan yang dia diami.

Kebahagiaan yang dikecapi Adam bersama isteri dan anaknya tidak bertahan lama selepas dia dan isterinya terlibat dalam kemalangan jalan raya yang ngeri. Isterinya meninggal dunia di tempat tragedi. Kematian isterinya, Zulaikha itu telah membunuh semua rasa dan mematahkan semangatnya untuk meneruskan tanggungjawab sebagai pengamal perubatan Islam yang sering mengubati orang-orang kampung. Adam seakan-akan tidak boleh menerima Qada & Qadar Tuhan. Keimanannya mula rapuh, tergugat dan tidak sekuat dahulu. Adam mula murung, mengasingkan diri dari jemaah masjid dan lebih senang beribadat di rumah, ditemani anaknya Amir. Dalam masa yang sama, Maria (Nabila Huda), salah seorang penduduk di kampung Adam

mengalami gangguan jin/syaitan yang teruk sehingga ke tahap dia didiagnos oleh pakar perubatan moden dengan penyakit mental-kronik depresi (tekanan perasaan yang serius).

Kemewahan hidup keluarganya tidak membawa makna apa-apa bila gangguan yang dialaminya semakin lama semakin menggila kerana hanya bergantung pada ubat penenang yang kesannya hanya sementara. Ayahnya pula terlantar sakit dan dijaga oleh ibu tirinya, Zati. Zati meminta bantuan daripada Imam kampung untuk memujuk Adam mengubati Maria selepas kejadian Maria dirasuk teruk dan rumah mereka semakin banyak gangguan, penampakan jin/syaitan. Sementara itu, Adam semakin tertekan kerana anaknya juga bersedih merindui arwah ibunya. Walau dalam keadaan tertekan, Adam terpaksa akur dan bersetuju untuk mengubati Maria selepas dipujuk dengan bersungguh-sungguh oleh Imam kampungnya. Bapa Adam, Rahim pula secara tiba-tiba datang melawat Adam dan cucunya. Dia juga menasihatkan Adam untuk membantu Maria. Gelagat Rahim yang agak pelik dicurigai Adam dan anaknya.

Dari saat pertama Adam bertemu Maria, misteri sebenar bermula dan persoalan demi persoalan timbul dalam pemikiran mereka. Ada kesinambungan cerita yang cuba diungkai tetapi masih tak jumpa. Episod demi episod gangguan telah menyentak kesedaran Adam. Dia zahirkan satu persatu petanda. Apa yang sebenarnya melanda dalam kehidupan mereka berdua? Segala jawapan yang bakal terungkai semestinya mengubah seluruh kehidupan dan kekuatan iman Adam buat selama-lamanya.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada era kini, filem merupakan satu medium yang menyampaikan sesuatu maksud melalui visual kepada masyarakat. Dengan itu, ia menjadikan filem ini merupakan satu media yang popular di Negara Malaysia. Filem juga merupakan sebuah karya seni yang mengandungi sifat hidup dan mempunyai pelbagai fahaman yang dapat diberikan melalui gambaran yang jelas kepada penonton mahupun masyarakat. Melalui filem juga ia dapat mempengaruhi penonton dari segi perbuatan, emosi dan sebagainya. Sebagai contoh, filem yang mendorong kepada aksi keganasan, ia dapat mempengaruhi masyarakat untuk meniru segala aksi yang ditonton dan melakukannya di dalam dunia realiti. Dalam filem, ia memerlukan pelbagai aspek dan kaedah untuk membina sesebuah filem itu. Antara aspek yang dapat menjadikan sesebuah filem itu berjaya adalah dari sudut teknik pencahayaannya. Filem yang mempunyai teknik pencahayaan yang baik merupakan filem yang berjaya. Hal ini kerana penggunaan teknik pencahayaan yang betul adalah merupakan elemen yang luas dalam sebuah filem sehinggalah ianya mampu untuk menarik perhatian dan juga memainkan emosi penonton. Menurut Johan Ibrahim (2017) emosi-emosi yang ditonjolkan tidak hanya pada ekspresi pelakon tetapi kepada 'magical instrument' yang divisualkan melalui bahasa alam yang menjadi gelanggang permainannya. Dari aspek komunikasi visual, 'symbolic interactionism' menjadi signature jenama sinematografi kerana beliau percaya, penonton perlu bersama-sama berkomunikasi mencari 'rasa' dan 'jiwa' itu. Johan Ibrahim juga berpendapat bahawa ia perlulah dikaji dahulu sebelum membuat filem kerana setiap penceritaan yang berlaku di dalam sebuah filem perlulah turut dirasai oleh penonton. (Khiar, 2017)

Antara filem yang menjadi tajuk utama dalam kajian adalah, filem munafik ( 2016 ). Filem ini merupakan filem yang berunsurkan seram/horror. Filem ini dipilih sebagai tajuk utama kajian adalah kerana ianya mempengaruhi setiap penonton dan menyampaikan segala

penceritaan itu dengan jelas lantas memberi kesedaran dan pengajaran kepada penonton tersebut. Filem munafik ini merupakan filem yang diarahkan dan ditulis oleh Syamsul Yusof serta menampilkan dirinya sebagai watak utama dalam filem tersebut. Filem ini dipilih kerana ianya mempunyai kekuatan yang tersendiri dari segi penggunaan kamera, sinematografi, set, prop dan tidak lupa teknik pencahayaan yang digunakannya. Berdasarkan kajian, filem ini diambil dan dinilai dari sudut teknik pencahayaan yang telah digunakan. (SirHafizYusoff, 2018)

Filem munafik ini mempunyai teknik pencahayaan kerana setiap pencahayaan yang digunakan, ianya dapat mempengaruhi mood serta emosi penonton semasa melihatnya. Sebagai contoh, adegan dimana munculnya makhluk halus diikuti dengan pencahayaan yang gelap dan menggunakan pergerakan kamera yang kreatif membuatkan penonton menjerit ketakutan dan ada yang menutup mata sehingga habis adegan tersebut. Hal ini menunjukkan dimana pentingnya sesuatu teknik pencahayaan dalam sesebuah filem tersebut kerana ianya mampu mengubah emosi dan mood penonton. Filem munafik ini mempunyai teknik pencahayaan kerana setiap pencahayaan yang digunakan, ianya dapat mempengaruhi mood serta emosi penonton semasa melihatnya. Sebagai contoh, adegan dimana munculnya makhluk halus diikuti dengan pencahayaan yang gelap dan menggunakan pergerakan kamera yang kreatif membuatkan penonton menjerit ketakutan dan ada yang menutup mata sehingga habis adegan tersebut. Hal ini menunjukkan dimana pentingnya sesuatu teknik pencahayaan dalam sesebuah filem tersebut kerana ianya mampu mengubah emosi dan mood penonton.



## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

(Dewey,2010) berpendapat bahawa permasalahan merupakan salah satu pengaruh yang besar terhadap dunia penyelidikan. Permasalahan kajian yang nyata dan menjadi asbab tajuk ini dikaji adalah filem munafik (2016) ini didapati mempunyai kekurangan penyampaian dari sudut pergerakan kamera sehingga emosi yang dihasilkan oleh penonton terganggu dan sukar untuk difahami. Seterusnya adalah, dari sudut pencahayaan yang kurang menarik dan menimbulkan konflik yang tidak masuk akal. Tajuk ini juga dijadikan sebagai tajuk utama adalah kerana saya berpendapat bahawa filem ini mempunyai pelbagai aspek yang boleh ditambah baik dari sudut pencahayaan. Selain daripada itu, saya juga berpendapat bahawa setiap mood yang dihaiakan oleh penonton adalah kepuasan dalam pembikinan sesebuah filem. Seterusnya , saya juga dapat mengenal pasti bahawa setiap penonton ataupun audiens akan menimbulkan pelbagai emosi atau reaksi yang berbagai walau hanya menonton 1 filem sahaja. (Muybridge, 1872)

Oleh itu, kajian dalam aspek teknik pencahayaan dalam filem masih kurang sambutan dan diberi perhatian oleh sarjana Malaysia. Dengan ini. Kajian ini dijalankan bagi melihat teknik pencahayaan dalam filem Munafik mempengaruhi emosi penonton.



### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif utama dalam kajian ini ialah :

- 1 Mengenal pasti jenis-jenis teknik pencahayaan
- 2 Menganalisis jenis teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem Munafik (2016)
- 3 Mengaplikasi teknik pencahayaan dalam projek akhir.

Objektik kajian yang pertama adalah mengenalpasti jenis-jenis teknik pencahayaan. Hal ini kerana teknik pencahayaan terdapat banyak, sebagai contoh 3 point lighting, front lighting, back light dan banyak lagi.

Objektik kajian yang kedua pula adalah bertujuan menganalisis jenis teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem Munafik (2016). Filem Munafik kebanyakannya menggunakan teknik pencahayaan yang (*low key*).

Objektik kajian yang ketiga pula adalah mengaplikasikan teknik pencahayaan dalam projek akhir.

## 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat persoalan kajian yang digunakan untuk mencapai objektif yang tepat serta mengikut kesesuaian dengan tajuk kajian. Antara beberapa persoalan kajian yang telah kenal pasti adalah :

1. Apakah teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem Munafik?
2. Bagaimanakah keberkesanan teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem Munafik terhadap emosi penonton?

Bagi menjawab persoalan kajian pertama, pengkaji akan menggunakan beberapa metode penyelidikan yang bersesuaian bagi menyungkil setiap teknik penggunaan cahaya yang digunakan di dalam filem Munafik.

Seterusnya adalah metode dalam bagaimana keberkesanan teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem Munafik terhadap emosi penonton.

Akhir sekali, pengkaji akan menghasilkan satu produk berdasarkan tajuk yang dikaji. Setiap elemen yang dikaji akan diaplikasikan kedalam produk tersebut. Hal ini adalah kerana bertujuan untuk menghasilkan video yang mempunyai kualiti cahaya yang menarik.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian merupakan satu had ataupun batas kajian yang telah ditetapkan untuk melakukan sebarang penyelidikan. Hal ini demikian kerana skop kajian yang dilakukan untuk pengkaji membuat penyelidikan secara tepat dan benar. Kajian yang telah dilakukan ini memberi

tumpuan yang tertentu terhadap analisis filem Munafik (2016) arahan Syamsul Yusof. Filem ini telah menjadi fokus utama terhadap pengkaji kerana terdapat kekurangan kajian yang memberi penekanan terhadap teknik pencahayaan yang digunakan. Filem Munafik (2016) antara filem yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Oleh sebab itu, filem ini pernah dinobatkan sebagai filem seram terbaik pada tahun 2017 di Anugerah Filem Malaysia lantas menjadi asbab kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkajinya dengan lebih mendalam dan teliti. Kajian ini berpendapat bahawa terdapat sesuatu yang amat menarik berkaitan dengan teknik pencahayaan yang telah dihasilkan dan digunakan di dalam filem ini. Kajian ini juga dilakukan adalah kerana minat terhadap cara penyampaian jalan cerita serta menggunakan teknik-teknik yang kreatif yang mampu mempengaruhi setiap penonton yang melihatnya.

Justeru itu, untuk menjalankan kajian ini pengkaji hanya akan menjalankan serta mencari pelbagai maklumat yang hanya berkaitan dengan filem Munafik (2016) arahan Syamsul Yusof. Hal ini kerana filem seram ini banyak mempunyai teknik pencahayaan yang banyak digunakan lantas menjadi asbab utama pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih terperinci terhadap filem ini,

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini adalah :

### **1 Rujukan**

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini amatlah memberi keuntungan kepada generasi yang akan datang. Hal ini kerana ianya dapat memberikan sumber rujukan yang besar pada masa yang datang.

## 2. Institusi

Kajian ini amat penting kepada setiap institusi yang mempunyai bidang perfileman. Hal ini kerana, ia dapat dijadikan sumber rujukan dan sumber yang penting yang berkaitan dengan filem yang telah dikaji

## 3. Masyarakat

Membantu masyarakat supaya lebih mengetahui apa itu cahaya dan memanfaatkan mereka untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan dengan teknik pencahayaan.

## 4. Individu

Memberi manfaat kepada diri pengkaji dengan lebih mendalam untuk mengkaji lebih terperinci tentang teknik pencahayaan yang dilakukan dalam filem.

## 1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab. Bab satu merangkumi perbincangan mengenai pengenalan kepada tajuk kajian ,permasalahan kajian ,objektif kajian,kepentingan kajian dan struktur organisasi kajian. Bab satu adalah memfokuskan dalam memberi maklumat daripada kajian yang dianalisis, dikaji dan diaplikasi. Selain itu, Bab satu juga, menerangkan pelbagai persoalan dan jawapan dari pelbagai ilmu pengetahuan yang dikaji. Bukan itu saja, bab satu juga akan menerangkan segala maklumat kepada masyarakat luar. Sebagai contoh penggunaan Teknik lighting secara asas.

Bab dua menerangkan tentang kajian literature. Bahagian ini membincangkan tentang kajian lepas yang dijalankan oleh sarjana yang menjadi rujukan utama kepada pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini. Bab dua juga akan membincangkan secara terperinci latar belakang teori atau konsep yang digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka analisis.

Seterusnya bab tiga, bab ini menerangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian bagi menjelaskan satu perkaitan antara objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam bab satu dengan kaedah pengumpulan data. Terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam bab ini merangkumi rekabentuk kajian , lokasi kajian,respondan kajian, instrument kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur kajian dan analisis yang dihurai secara terperinci melalui substajuk yang ditentukan.

Pada bab empat akan diterangkan dengan lebih jelas dan lebih terperinci analisis data yang telah dilakukan dan dapatan yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis terperinci dan analisis umum. Analisis yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi

interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan pada bab 1. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menumpukan kepada menjawab kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam bab 1.

Seterusnya untuk bab lima pula, ia akan membincangkan tentang dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab empat. Perbincangan dibuat dalam lima bahagian merangkumi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian yang menjelaskan ringkasan kajian yang dilakukan meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi kajian, pemilihan sampel dan lokasi kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

## 1.8 KESIMPULAN

Filem merupakan sebuah cerita atau gambaran dalam hidup. Filem juga dapat disebut sebagai *movie* atau *cinema* yang merupakan seni yang terkenal sebagai tujuan hiburan dan perniagaan. Menurut Hajar Bin Opir (2018) filem telah disebut sebagai medium yang kreatif dan bersifat menggabung jalinan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran. Filem juga merupakan sebuah hasil garapan seni yang memaparkan kisah-kisah kepada masyarakat tentang budaya tertentu. Ini merupakan cetusan idea dan perasaan karyawan tentang sesebuah kisah kehidupan manusia dan bukan manusia serta cerita benar atau khayalan. Ia akan digarap dari peringkat ke peringkat sehingga terhasil sebuah cerita yang diminati.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan lebih fokus kepada perbincangan secara teori langkah-langkah yang menyokong tajuk kajian penyelidikan dan membuat tinjauan terhadap beberapa bahan rujukan yang mempunyai persamaan dengan tajuk pengkaji. Beberapa *literature* akan digunakan sebagai asas pembentukan penyelidikan. Kajian literature ianya berbentuk kajian – kajian tokoh lalu yang telah banyak melakukan kajian mengenai Teknik Pencahayaan . Kajian literature merupakan garis panduan dan sumber rujukan yang sangat penting kepada pengkaji untuk memperolehi maklumat yang tepat dan jelas,

Seterusnya , berpandukan kajian literature ini pengkaji dapat menganalisis kekuatan serta kelemahan setiap kajian literature yang seterusnya digunakan untuk menyokong hujah tajuk kajian pengkaji.

#### **2.1 DEFINISI**

Dalam dunia perfileman, cahaya merupakan bahagian terpenting dimana tanpa adanya cahaya dalam sebuah filem tidak akan dapat memperlihatkan objek dengan jelas, dan menciptakan ilusi sehingga penonton mendapatkan kesan yang baik dengan adanya ruang, jarak, waktu dan suasana dari kejadian yang dipertunjukkan. Teknik pencahayaan dapat dimanfaatkan untuk menentukan objek dan Kawasan dan ruang yang hendak digunakan.

Secara normal kamera dapat melihat seluruh kawasan *setting*, untuk memberikan fokus pada area atau objek-objek tertentu yang mana pemilihan ini tidak hanya berpengaruh pada kamera saja namun dapat memperlihatkan kemampuannya dalam menghadirkan suasana yang dapat mempengaruhi tingkat emosi penonton dari ekspresi yang diperlihatkan.

Cahaya (*Lighting*) adalah unsur media visual, karena cahayalah sebuah informasi dapat dilihat. Cahaya pada mulanya adalah unsur teknik yang membuat benda dapat dilihat, maka penyajian filem pada mulanya disebut sebagai "*painting with light*", melukis dengan cahaya. Cahaya dalam perkembangan waktu dapat menjadi informasi waktu, menunjang mood atau *atmosphere*, set dan dapat menunjang dramatik adegan (Ross, 1999).

Menurut Himawan Pratista (2008) tanpa cahaya, sebuah benda tidak akan memiliki wujud atau keberadaanya. Tanpa cahaya juga, sebuah filem tidak akan terwujud. Seluruh gambar yang ada dalam filem dapat dikatakan merupakan hasil manipulasi cahaya. Tata cahaya dalam filem secara umum dapat dikelompokkan menjadi empat unsur yang sangat mempengaruhi dan membentuk suasana serta mood sebuah film, yakni:

### **Kualiti Pencahayaan**

Kualiti pencahayaan merujuk pada besar kecilnya penghasilan pencahayaan itu. Hard light cenderung menghasilkan bentuk objek serta bayangan yang jelas. Sementara soft light cenderung menyebarkan cahaya sehingga menghasilkan bayangan yang tipis. Elemen utama pada pencahayaan yaitu *high key*, *low key*, *available light*, *combine light*.

- a. *High Key* merupakan cahaya terang di mana karakter dan semua



- lingkungan serta objek dapat dilihat dengan jelas (reaksi Kegembiraan)
- b. *Low Key* diterangi dengan hanya cukup cahaya untuk menerangi karakter, sering menggunakan lampu yang malap (reaksi Ketegangan).
  - c. *Available Light* digunakan hanya cahaya alami yang tersedia dilingkungan untuk menerangi tempat kejadian (ekspresi biasa).
  - d. *Combine Light* merupakan gabungan antara ketiga jenis penggunaan cahaya iaitu low key, high key, dan available light.

### **Arah Pencahayaan**

Arah cahaya merujuk pada posisi sumber cahaya terhadap objek yang dituju. Menurut Himawan Pratista (2008), arah cahaya dapat dibagi menjadi 5 jenis, iaitu:

- e. *Front Lighting*, cenderung menghapus bayangan dan menegaskan bentuk sebuah objek atau wajah karakter.
- f. *Side Lighting*, cenderung menampilkan bayangan ke arah samping tubuh karakter atau bayangan pada wajah.
- g. *Back Lighting*, mampu menampilkan bentuk sebuah objek atau karakter jika tidak dikombinasikan dengan arah cahaya lain.
- h. *Under Lighting*, cenderung untuk membuat efek *horror* atau sekadar untuk menambahkan sumber cahaya alami, seperti lilin, unggun api, dan lampu minyak.
- i. *Top Lighting*, cenderung untuk memperkuat sebuah benda atau karakter. Dibuat untuk sekadar menunjukkan jenis pencahayaan dalam sebuah adegan, seperti lampu gantung atau lampu jalan.

## Sumber Cahaya

Sumber cahaya merujuk pada karakter sumber cahaya, iaitu pencahayaan buatan dan pencahayaan natural seperti apa adanya di lokasi *setting*. Pada umumnya pada sebuah produksi menggunakan dua sumber cahaya, sumber cahaya utama (key light) dan sumber cahaya pengisi (fill light)

## Warna Cahaya

Warna cahaya merujuk pada penggunaan warna dari sumber cahaya. Warna cahaya secara natural hanya terbatas pada dua warna saja, yakni putih (sinar 20 matahari) dan kuning muda (lampu). Dapat juga menggunakan filter untuk menghasilkan warna tertentu

## Apakah Pencahayaan Tiga Titik?

Pencahayaan tiga titik adalah kaedah untuk menerangi objek dalam pandangan dengan sumber cahaya dari tiga kedudukan yang berbeza. Tiga jenis lampu itu adalah lampu utama, cahaya isi, dan lampu latar. (Masterclass, 2020)

### Lampu utama:

Ini adalah sumber cahaya utama dan paling terang dalam penyediaan lampu tiga titik. Ini memberikan pandangan secara keseluruhan. Sinematografer biasanya meletakkan cahaya utama ini sedikit ke sisi kamera dan bahagian depan subjek, pada pendirian cahaya pada sudut

45 darjah ke kamera, yang menghasilkan bayang-bayang di sisi yang berlawanan dari wajah subjek, memberikannya dimensi dan kedalaman. Lampu utama mewujudkan suasana pemandangan. Bergantung pada kedudukannya dan lampu tambahan yang digunakan dalam pencahayaan keseluruhan, ia dapat membuat gambar kunci tinggi (merata, terang lembut dan optimasi atmosfera) atau gambar kunci rendah (kontras tinggi, bayangan dalam, dan sangat murung). (Masterclass, 2020)

**Isi cahaya:**

Mencerminkan lampu kunci di seberang kamera, lampu pengisian secara harfiah mengisi bayang-bayang yang dihasilkan cahaya kunci pada subjek, membawa perincian dalam kegelapan. Biasanya, cahaya sekunder ini kurang terang daripada kunci, dan sinematografer mengawal keseluruhan gambaran mereka berdasarkan seberapa banyak mereka meredup atau meringankan cahaya pengisian. Lampu pengisian yang redup, di mana ransum pengisiannya tinggi, menghasilkan bayangan jenis filem-noir yang berkontras tinggi, sementara cahaya yang lebih terang dengan nisbah yang lebih rendah dan lebih seimbang memberikan subjek lebih mirip. Lampu kedua tidak selalu menyala: ia boleh menjadi reflektor, kad pantulan, dinding, atau apa sahaja yang memantulkan cahaya ke subjek untuk mengisi bayang-bayang. Bersama dengan lampu kunci, lampu pengisian menentukan suasana pemandangan. (Masterclass, 2020)

**Lampu latar:**

Sumber ketiga dalam teknik pencahayaan ini, lampu latar bersinar pada subjek dari belakang, menyelesaikan penyiapan cahaya. Ia menghasilkan cahaya atau garis besar di sekitar kepala mereka yang mendorong subjek menjauh dari latar belakang dan memberikan rasa kedalaman.

Biasanya, sinematografer meletakkan lampu latar tepat di belakang subjek atau cukup tinggi untuk berada di luar bingkai, bertentangan dengan lampu utama, dan menunjuk ke bahagian belakang leher subjek. (Masterclass, 2020)

## 2.2 SOROTAN KAJIAN

IMPLEMENTASI TEKNIK PENCAHAYAAN PADA FILEM PENDEK “ MAHASISWA MALAM ( SUMPIT VERSI 2 )” DAN ANALISA TERHADAP TAHAP KEBERKESANAN EMOSI PENONTON

( oleh : Arni Lestari 2017 )

### 1. Implementasi Teknik Pencahayaan pada Filem Pendek

- Untuk mengetahui kelayakan dari Filem Pendek, penulis melakukan penghasilan video ekspresi wajah setiap penonton melalui film pendek yang ditayangkan dan membuat soal selidik untuk pengujian Filem Pendek. Soal selidik dibuat penelitan dalam bentuk pertanyaan iaitu pertanyaan yang sudah disediakan jawapan oleh penelitan. Perekaman filem pendek ini telah dilakukan kepada 20 responden, agar dapat menghasilkan teknik pencahayaan yang diterapkan pada filem dan menghasilkan emosi yang dari ekspresi wajah setiap penonton (Lestari, 2017)

## ANALISIS FUNGSI *LOW KEY* SEBAGAI KONSEP PENCAHAYAAN PENDUKUNG *SUSPENSE* PADA PROGRAM SERIAL CERITA MSALEMBO DI NET.TV

( oleh : Fuadzan Akbar Sailan 2017 )

- Program MSALEMBO merupakan program bertemakan tentang drama misteri *adventure*/petualangan. Drama misteri biasanya bercerita tentang cerita kriminal, *horror*, serta mistik. Drama misteri selalu menyajikan banyak hal-hal yang menegangkan (*suspense*)
- Menariknya, rancangan tata cahaya *low key lighting* sangat banyak diterapkan dalam adegan *suspense*. *Low key lighting* adalah teknik pencahayaan yang didominasi oleh bayangan dengan sedikit *fill light* (cahaya pengisi) atau tidak menggunakan cahaya *fill light*. *Low key lighting* dapat didefinisikan juga sebagai pencahayaan yang mempunyai perbandingan antara *key light* (cahaya utama) dan *fill light* (cahaya pengisi) yang tinggi (Brown 2012, 109). Pencahayaan *low key lighting* berfungsi menjadi stimulus utama dan memberikan persepsi tersendiri pada program ini. (Sailan, 2017)

## TATA CAHAYA *LOW KEY* DALAM FILM ANIMASI STOP-MOTION *CORPSE BRID* KARYA TIM BURTON

( oleh: Dedi Eko Nurcahyo )

- Pencahayaan sangat penting untuk menunjukkan suasana dalam film ini. *High-key Lighting* merupakan pencahayaan yang menunjukkan keceriaan dan kebahagiaan. Di sisi lain, Burton memanfaatkan *Low-Key Lighting* untuk menampilkan gambar

yang seram dan menakutkan. Teknik pencahayaan dalam film karya Tim Burton adalah karyanya sendiri. Tim Burton memanipulasi pencahayaan untuk menciptakan perasaan takut dan ketegangan diantara para penonton. Salah satu cara Burton melakukan ini adalah ketika dia memadukan antara *Low-Key Lighting* dengan *Side-Lighting*

- Salah satu film karya Tim Burton adalah *Corpse Bride*. Film ini bercerita tentang victor, seorang pemuda canggung yang dijodohkan dengan seorang bangsawan bernama Victoria. Victor dan Victoria jatuh cinta pada pandangan pertama dan dengan gembira menyiapkan pernikahan mereka. Ketika melangsungkan pernikahan, Victor selalu salah dalam mengucapkan sumpah dan mengacaukan pernikahan karena kegugupannya. Victor berlatih sendiri mengucapkan sumpah di hutan, tanpa disengaja mengucapkan sumpah dan mengenakan cincin perkawinannya pada sebuah ranting yang ternyata itu adalah sebuah lengan. Setelah itu muncullah Emily pemilik lengan tersebut. Bertahun-tahun yang lalu Emily terbunuh dan menuntut Victor yang telah memasang cincin di jarinya untuk menikahinya. (Nurcahyo)

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Dalam bab tiga ini pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian adalah sebuah kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi memberikan maklumat yang tepat serta mencukupi bagi menyokong tajuk yang dikaji. Setiap pengolahan idea akan disertakan dengan analisis yang sistematik dan dapat digunakan bagi meneroka segala isi kandungan atau bahan ilmu yang sukar untuk diperolehi. Penelitian berbentuk ilmiah menggunakan metodologi kajian yang bersesuaian akan memberikan hasil kajian yang berkualiti. Menurut Ahmad Mahdzan Ayob 1993, kaedah metodologi kajian adalah merujuk kepada tatacara tentang bagaimana untuk melaksanakan sesebuah kajian dan bagaimana solusi yang perlu dilakukan bagi memperoleh maklumat bagi mencapai matlamat kajian.

Dalam metodologi kajian, pengkaji akan melaksanakan kajian berkenaan penghasilan teknik penceritaan dalam Filem Munafik mempengaruhi emosi penonton berbentuk kuantitatif. Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan maklumat. Pendekatan kuantitatif ialah prosedur yang menghasilkan data berbentuk carta pai yang boleh difahami semua orang. Tujuan metodologi ini adalah untuk membantu dengan memberi kefahaman yang lebih jelas serta terperinci mengenai aplikasi kaedah dan membuat huraian secara jelas.



### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Pendekatan kajian merupakan satu perkara yang telah berlangsung atau terjadi dan ianya dapat dijadikan sebagai contoh dan tauladan. Hal ini demikian kerana kajian ini juga dapat diklasifikasikan sebagai cara untuk dijadikan bahan rujukan. Pada masa yang sama, kajian kes ini juga dapat dikenalpasti dengan lebih teliti melalui teknik pencahayaan. Oleh itu, pengkaji telah memilih kaedah kajian kualitatif. Hal ini kerana kaedah ini merupakan satu kaedah yang terbaik dalam mengumpul maklumat dengan lebih jelas berkaitan dengan kes tersebut.

### **3.2 KAEDAH KUALITATIF**

Kaedah kualitatif merupakan sebuah kaedah yang digunakan bagi mencari serta menganalisis maklumat yang didapati melalui pemerhatian berbentuk pengetahuan dan pengalaman yang dilalui oleh subjek kajian. Kajian berbentuk kualitatif membincangkan maklumat berbentuk keterangan, lisan, dan lain-lain. Kaedah ini lebih membahaskan tentang emosi, sifat dan keadaan seseorang individu. Selain itu kaedah kualitatif tidak menggunakan pandangan umum untuk memperoleh maklumat yang banyak namun lebih kepada kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan isi yang berkualiti dengan tertumpu kepada sample yang sedikit. Kaedah kualitatif lebih banyak melibatkan pengkaji itu sendiri untuk merasai pengalaman kehidupan seharian dalam sesebuah petempatan.

Selain itu kaedah kualitatif ini dapat didefinisikan sebagai pengumpulan data yang didapati dalam bentuk pengalaman seseorang. Metode kualitatif dianggap lebih tulin dalam membahaskan nilai –nilai manusia. Sumber data dari kaedah ini lebih mendalami tentang ilmu sosial dan tindakan-tindakan dalam kehidupan masyarakat.

Dengan menggunakan kaedah ini, sebuah kajian kes perlu dilakukan bagi menghimpunkan data yang berkait dengan tajuk kajian. Kaedah persampelan yang dijalankan



dapat membantu pengkaji untuk mengumpulkan data . Pengumpulan data yang banyak akan memudahkan pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif lebih dianggap berstruktur dan lebih menumpukan kepada proses pengumpulan data.

Kaedah kualitatif juga merupakan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dengan penyediaan borang soal-soal selidik dengan secara teratur. Pengkaji telah menyediakan beberapa borang soal selidik untuk diberikan kepada pelajar UMK Bachok. Pengkaji telah menyediakan borang ini dengan menggunakan secara atas talian bagi memudahkan dan mempercepatkan proses mendapatkan maklumat daripada responden. Pengkaji berpendapat, melalui cara ini ia dapat memudahkan dalam proses pengumpulan data, menganalisis data dan juga memudahkan dalam bacaan statistik pada data yang telah diterima.

### **3.3 INSTRUMEN KAJIAN**

#### **1. Analisis kajian**

Pengkaji akan menganalisis kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain berdasarkan teori teknik pencahayaan. Hal ini akan dibuat berdasarkan pencarian terhadap sumber kajian pengkaji lain dan dianalisis untuk dijadikan sebagai instrument kajian


#### **2.Kajian perpustakaan**

Bagi mendapatkan pelbagai maklumat yang lebih banyak, pengkaji menggunakan pendekatan kajian perpustakaan . Melalui kaedah ini pengkaji dapat melakukan rujukan ilmiah di perpustakaan dengan teliti terutamanya rujukan berkenaan cahaya dan warna dalam sinematik perkahwinan. Bahan seperti buku,kajian lepas dan jurnal menjadi rujukan pengkaji dalam mengumpulkan maklumat dan teori dari falsafah lalu yang berkait dengan tajuk kajian.

#### **3. Sumber internet**

Dalam dunia masa kini, internet merupakan sumber yang paling penting dalam kehidupan masyarakat. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kemudahan internet bagi maklumat berkenaan penggunaan teknik pencahayaan. Sumber internet merupakan kemudahan yang luas dan mengandungi pelbagai kemudahan untuk pengguna mencari pelbagai maklumat. Sumber internet menjadi sumber pengumpulan maklumat tambahan sama ada daripada dalam mahupun luar.

3.4 CARTA ALIRAN



### 3.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, metodologi kajian yang dilakukan oleh pengkaji merupakan input yang amat penting untuk dimasukkan dalam objektif kajian dalam menjalankan kajian metodologi sangat penting untuk menjayakan kajian yang ingin dijalankan. Kaedah sekunder merupakan kaedah yang diberikan perhatian dengan teliti. Kajian yang dilakukan akan menjadi teratur dengan membuat metodologi kajian. Secara keseluruhan, bab ini telah diterangkan secara terperinci mengenai kaedah yang akan digunakan dalam kajian yang melibatkan reka bentuk kajian, pengumpulan maklumat dan menganalisis, memberikan kesimpulan atau cadangan dan juga menghasilkan projek.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**


#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini menceritakan mengenai dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap kajian Teknik penggunaan pencahayaan dalam filem Munafik (2016) mempengaruhi emosi penonton iaitu dengan kaedah kualitatif ataupun sekunder dimana pengkaji akan mencari maklumat dari bahan bacaan seperti buku, majalah atau artikel serta mencari maklumat di internet. Hal ini kerana kajian yang dilakukan dalam bab ini akan menceritakan dengan lebih terperinci berkaitan maklumat yang didapati atau dikumpul untuk dijadikan sebagai hasil dapatan untuk setiap objektif kajian dan permasalahan kajian yang berkait rapat dengan analisis Teknik penggunaan cahaya dalam filem Munafik ini.

#### **4.1 ANALISIS TEKNIK PENCAHAYAAN FILEM MUNAFIK (2016) ARAHAN SYAMSUL YUSOF**

Setelah pengkaji mengamati filem ini beberapa kali dengan merujuk kepada beberapa garis panduan, pengkaji telah mengenalpasti beberapa jenis teknik pencahayaan yang digunakan dalam filem munafik ini. Teknik-teknik pencahayaan yang digunakan di dalam filem ini telah berjaya mempengaruhi emosi penonton dan ianya boleh dianggap berjaya kerana sesebuah filem yang berjaya adalah filem yang dapat mendekatkan dengan diri penonton. Antara beberapa jenis Teknik pencahayaan yang telah dilakukan atau dibuat di dalam filem ini adalah:

#### 4.1.1 TEKNIK PENCAHAYAAN LOW KEY



MASA: 00:00:52 ( LOW KEY )

RAJAH 4.1.1



MASA: 00:01:39 ( LOW KEY )

RAJAH 4.1.2

Berikut pada rajah 4.1.1 dan rajah 4.1.2 adalah dimana adegan kemalangan berlaku. Dimana pelakon utama telah mengalami kemalangan dan keluar untuk menghampiri isterinya. Teknik pencahayaan yang digunakan didalam adegan tersebut adalah (low key). Teknik low key

kebanyakannya digunakan untuk menambahkan effect seram atau menjadi persoalan kepada penonton. Teknik pencahayaan low key bermaksud penggunaan cahaya yang sedikit ataupun ingin menampakkan suasana seakan gelap supaya dapat menimbulkan effect yang misteri.

#### 4.1.2 TEKNIK PENCAHAYAAN THREE POINT LIGHTING




MASA: 00:04:02 ( FRONT LIGHTING )

#### RAJAH 4.1.3

Berikut pada rajah 4.1.3 adalah dimana adegan solat berjemaah di surau. Kali ini, teknik pencahayaan yang digunakan adalah front light. Dimana, cahaya ataupun effect cahaya dilakukan pada 1 arah atau terkena pada 1 objek. Dimana seperti yang pengkaji lihat, objek iaitu imam dapat cahaya penuh manakala makmum dibelakang hanya menerima sedikit cahaya.





**MASA: 00:05:15 ( BACK LIGHT )**

**RAJAH 4.1.4**




**MASA: 00:34:48 ( BACK LIGHT )**

**RAJAH 4.1.5**



Pada rajah 4.1.4 adalah dimana adegan maria terjumpa kotak lalu ingin membukanya tetapi dihalang oleh mak tirinya dan rajah 4.1.5 dimana ustaz adam datang ke rumah maria dan ingin membantunya untuk memulihkan maria dari sakit (histeria). Kedua-dua adegan ini menggunakan teknik pencahayaan back light atau dimana cahaya cuma berada dibelakang objek dan menjadikan objek gelap. Penggunaan cahaya yang digunakan juga adalah sedikit. Teknik pencahayaan ini juga dapat menambahkan effect seram dan bersesuaian digunakan kerana filem munafik merupakan filem yang bergenre seram.



**MASA: 00:05:26 (SIDE LIGHT)**

**RAJAH 4.1.6**

Pada rajah 4.1.6 merupakan adegan dimana maria selesai menunaikan solat. Pada adegan kalini, pengarah filem telah menggunakan teknik pencahayaan side light. Iaitu dimana cahaya yang diberikan adalah daripada samping atau sisi objek. Teknik pencahayaan ini akan menimbulkan bayang, seperti yang kita lihat hanya disisi sebelah kiri maria sahaja yang menerima cahaya dan disebelah kanan telah timbul bayang.

### 4.1.3 TEKNIK PENCAAYAAN NATURAL LIGHT



MASA: 00:07:37 (NATURAL LIGHT)

RAJAH 4.1.7



MASA: 00:09:32 (NATURAL LIGHT)

RAJAH 4.1.8

Seterusnya pada rajah 4.1.7 dan 4.1.8, adegan ini berlaku di Kawasan kubur dimana ustaz adam dan amir menziarahi kubur arwah isterinya dan terjumpa dengan shah yang sedang mencuci Kawasan kubur. Kedua-dua adegan ini telah menggunakan teknik pencahayaan natural light ataupun dikenali sebagai cahaya yang asli. Teknik pencahayaan ini tidak menggunakan lampu dan hanya menggunakan cahaya dari matahari sebagai pencahayaan yang utama.

#### 4.1.4 TEKNIK PENCAHAYAAN HIGH KEY



**MASA: 00:11:36 (HIGH KEY)**

#### RAJAH 4.1.9

Pada rajah 4.2.8 pula adalah adegan dimana ustaz adam dan azman sedang berbual. Pada adegan kalini, cahaya yang digunakan adalah high key.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab yang terakhir ini iaitu kesimpulan dan cadangan. Terdapat tiga bahagian iaitu perbincangan, cadangan dan rumusan dari keputusan analisis bab empat. Bahagian yang pertama adalah perbincangan mengenai kepentingan penggunaan teknik pencahayaan dalam pembikinan filem kepada masyarakat tempatan iaitu dari Negara kita sendiri Malaysia. Seterusnya, keberkesanan penggunaan teknik pencahayaan terhadap filem Munafik (2016) . Yang terakhir adalah perbincangan serta cadangan terhadap penambahbaikan dalam penggunaan teknik pencahayaan yang tepat pada masa hadapan. Oleh itu, cadangan perlu disertakan untuk mengenali dan memperkukuhkan kajian pengkajian ini.

#### **5.2 Perbincangan dan Rumusan.**

##### **a. Kepentingan Penggunaan Teknik Pencahayaan**

Melalui analisis yang dilakukan, terdapat pelbagai cara dan kaedah dalam penggunaan teknik pencahayaan dalam filem Munafik (2016) berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dengan penggunaan kreativiti masing-masing dan setiap cara tersebut ada fungsi yang tersendiri. Penerapan terhadap penggunaan teknik pencahayaan ini amatlah banyak digunakan dalam filem ataupun iklan terutamanya di Negara-negara luar. Hal ini adalah kerana ianya merupakan suatu elemen yang penting terhadap sesebuah pembikinan filem. Penggunaan teknik pencahayaan yang baik akan dapat menghasilkan filem yang baik. Namun begitu, di Malaysia kurangnya penerapan ini kerana kurangnya pengetahuan masyarakat tempatan dan juga membuat kajian mengenai penggunaan teknik pencahayaan

yang betul walaupun di Malaysia kita telah menguasai dalam penghasilan filem yang bertaraf dunia. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya penerapan terhadap penggunaan teknik pencahayaan yang betul di Malaysia. Hal dapat membuktikan bahawa iainya dapat menarik minat para masyarakat tempatan untuk lebih memperelajari keunikan tersebut dengan cara pembuatan yang berbeza daripada filem yang lain.

**b. Perbincangan Serta Cadangan Penambahbaikan Dalam Penggunaan Teknik Pencahayaan Dalam Penghasilan Filem Pada Masa Hadapan.**

Pengkaji telah mengutarakan beberapa cadangan penambahbaikan dalam penggunaan teknik pencahayaan antaranya ialah dengan memperkasakan Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM) bagi badan yang mengawal selia semua bahan penyiaran di peringkat nasional. Dengan cara melantik pegawai ataupun seseorang yang mengkaji tentang penggunaan teknik pencahayaan. Seperti yang pengkaji tahu, penggunaan teknik pencahayaan yang betul dapat memberikan faktor yang besar terhadap keberkesanan sesebuah filem. Oleh itu pengkaji berpendapat, sekiranya ia diserahkan kepada pihak yang betul ia dapat membantu LPFM dengan lebih jitu dalam membuat penapisan pada peringkat awal. Selain itu, penggubahan kurikulum yang berkaitan rapat dengan teknik pencahayaan dalam filem dapat dijadikan subjek wajib universiti atau subjek elektif di IPTA/S lebih-lebih lagi IPTA yang mempunyai fakulti dalam bidang perfileman sama ada di peringkat diploma atau di peringkat ijazah sarjana muda.

**5.3 Teknik pencahayaan dalam Filem Munafik**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa Teknik pencahayaan yang digunakan oleh pengarah filem tersebut iaitu Teknik pencahayaan low key, high key, natural light, 3 point lighting dan back light. Melihat dari kajian ini, pengkaji



dapat melihat bahawa terdapat Teknik pencahayaan yang sering digunakan oleh pengarah iaitu Low key. Hal ini kerana genre filem munafik merupakan genre seram dan secara wajarnya pengarah filem menggunakan Teknik pencahayaan low key di dalam filem ini. Pengkaji juga berpendapat dan menyokong penuh terhadap pengarah filem munafik, hal ini adalah kerana Teknik pencahayaan perlulah dibuat penelitian terlebih dahulu sebelum sesuatu filem itu dibuat ianya kerana Teknik pencahayaan yang betul adalah merupakan faktor kejayaan filem tersebut untuk menarik minat dan mempengaruhi emosi penonton.

#### **5.4 Cadangan Kajian**

Seterusnya adalah cadangan untuk produk akhir pengkaji, adalah dengan membuat satu filem pendek dengan menerapkan penggunaan teknik pencahayaan yang betul. Ianya dapat menambahbaik medium penyampaian maklumat. Masyarakat juga dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang berkenaan dengan mudah. Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan, terdapat beberapa cadangan yang diutarakan untuk ditambahbaik pada masa hadapan kelak.

#### **5.5 Implikasi Kajian**

Hasil daripada analisis penggunaan teknik pencahayaan dalam filem Munafik (2016) mempengaruhi emosi penonton dapat memberi beberapa implikasi kepada beberapa konteks iaitu:

##### **a. Individu**

Analisis patuh penggunaan teknik pencahayaan dalam filem Munafik (2016) mempengaruhi emosi penonton dapat dijadikan sebagai motivasi dan inspirasi serta kelansungan kepada pengkaji yang ingin mengkaji lebih mendalam berkenaan analisis teknik pencahayaan dalam

filem. Hal ini demikian kerana dengan membuat analisis kajian serta melihat contoh filem yang menerapkan teknik pencerhayaan dalam filem sebagai rujukan dapat menambahbaik penghasilan filem pada masa hadapan. Oleh itu, menganalisis filem teknik pencerhayaan ini dapat sedikit sebanyak untuk membantu kajian hadapan.

#### **b. Masyarakat**

Analisis penggunaan teknik pencerhayaan dalam filem ini dapat memberikan impak kepada masyarakat tempatan dalam mempelajari menganalisis filem yang mereka tonton. Hal ini demikian kerana dengan membuat analisi terhadap filem dapat dijadikan sebagai pengetahuan tambahan kepada masyarakat tempatan dalam memahami sambil memberikan kesedaran mengenai kebaikan dan keburukan yang disampaikan dalam filem, ia juga boleh dijadikan sebagai medium baharu dalam menyampaikan maklumat.


## 5.6 Kesimpulan

Sebagai Rumusan, Kajian mendapati bahawa analisis penggunaan teknik pencahayaan mempengaruhi emosi penonton dapat menarik minat masyarakat tempatan untuk menerokai lagi tentang teknik pencahayaan dalam setiap filem yang diterbitkan. Melalui kajian yang telah dilakukan dapat disimpulkan bahawa filem yang dikaji menggunakan banyak Teknik pencahayaan. Tujuan utama Teknik pencahayaan ini dikaji bertujuan untuk mengkaji minat dan kesan terhadap emosi penonton dalam filem yang telah dikaji. Teknik pencahayaan sesebuah filem ini mampu memberi impak yang baik dalam penyampaian sesuatu dalam sesebuah filem. Teknik pencahayaan ini telah memberi beberapa kesan yang mendalam kepada penonton. Hal ini telah menyampaikan pelbagai kesan yang mampu membuat audien memahami apa yang ingin disampaikan. Sebagai rumusannya, penggunaan Teknik pencahayaan kesinambungan ini mampu memberi kesan yang mendalam dan penggunaan teknik ini telah membuat sesuatu filem menjadi lebih baik. Kajian tentang teknik pencahayaan ini harus dipertengahan supaya ianya dapat membantu setiap pembuat filem dapat dengan lebih baik dalam memahami teknik pencahayaan yang digunakan dalam sesuatu filem. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengumpul data untuk penambahbaikan kepada projek tahun yang akan dilaksanakan.



**CARTA GANTT**

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
<b>Pemilihan Tajuk</b>																
<b>Permasalahan &amp; Objektif</b>																
<b>Skop penyelidikan &amp; Kepentingan kajian</b>																
<b>Persoalan Kajian</b>																
<b>Kajian Literatur</b>																
<b>Metodologi</b>																
<b>Kaedah Kajian</b>																
<b>Pembentangan</b>																



## Bibliography

- Khlar, A. S. (2017, September 26). *finas*. Retrieved from finas:  
<https://www.finas.gov.my/en/johan-ibrahim-magis-sinematografi-dari-mata-pencerita/>
- Lestari, A. (2017). Implementasi Teknik Pencahayaan Pada Film Pendek. 52.
- Masterclass. (2020, November 5). *Masterclass*. Retrieved from  
<https://www.masterclass.com/articles/what-is-three-point-lighting>
- Muybridge, E. J. (1872). *sinematografi*.
- Nurchahyo, D. E. (n.d.). TATA CAHAYA LOW KEY DALAM FILM ANIMASI STOP-MOTION CORPSE BRIDE. 2.
- Sailan, F. A. (2017). ANALISIS FUNGSI LOW KEY SEBAGAI KONSEP PENCAHAYAAN PENDUKUNG SUSPENSE PADA PROGRAM SERIAL CERITA MASALEMBO DI NET.TV. 19.
- SirHafizYusoff. (2018, September 1). *Munafik 2 : kesalahan yang ketara*.